

14 DEC 1997

SIDANG: SUHARTO KEPENATAN, KATA ALATAS

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Presiden Indonesia, Suharto, sedang berehat daripada kepenatan selepas melakukan lawatan panjang ke luar negara dan dinasihatkan oleh doktor-doktornya supaya tidak melakukan perjalanan yang meletihkan di dalam dan di luar Indonesia, kata Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas.

Alatas mengesahkan bahawa Suharto tidak akan menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini.

"Beliau berasa amat kesal kerana tidak dapat menghadiri mesyuarat ini," kata Alatas kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Alatas berkata beliau telah menyampaikan rasa kekesalan Suharto itu kepada Dr Mahathir. Alatas akan mewakili Suharto pada sidang kemuncak itu.

Alatas berkata Suharto berasa kesal dengan ketidakhadirannya itu kerana beliau mengakui kepentingan sidang kemuncak tidak rasmi Asean Campur 3 dengan China, Jepun dan Korea Selatan, yang diadakan buat pertama kalinya di sini.

Baru-baru ini, Suharto melawat Afrika Selatan, Kanada dan Arab Saudi. Pasaran rupiah dan saham di Jakarta jatuh pada Jumaat lepas berikutan laporan bahawa Suharto membatalkan kunjungannya ke sini.-- BERNAMA

ES NAK